Utusan Borneo: 11 November 2026

Pemotong rumput didenda RM130,000 dalam kes keldai akaun

SIBU: Mahkamah Tinggi Sibu semalam mengetepikan hukuman denda RM25,000 yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen Sarikei terhadap seorang pemotong rumput pada 11 Februari 2026 yang disabitkan bersalah terlibat dalam transaksi kewangan secara tidak sah melibatkan wang sebanyak RM130,000.

Hakim Alvin Leong Yin Yuan yang membenarkan rayuan itu, sebaliknya mengenakan hukuman denda lebih tinggi iaitu RM130,000 atau penjara 12 bulan terhadap responden, Hamzah Sulaiman, 36.

"Saya bersetuju dengan hujahan pihak perayu bahawa hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen iaitu denda RM25,000 dan jika gagal membayar denda, penjara 12 bulan, adalah jelas tidak memadai.

"Jumlah wang yang terlibat dalam kes ini adalah RM130,000 dan wang tersebut masih belum berjaya diperoleh semula," ujarnya.

Sambil menyifatkan jenayah seumpama ini semakin berleluasa dan hukuman yang boleh memberikan kesan pencegahan perlu dikenakan Leong berkata, orang ramai perlu menyedari betapa seriusnya perbuatan membenarkan akaun bank mereka digunakan oleh pihak ketiga untuk menyalurkan wang dalam jumlah yang besar.

Walau bagaimanapun jelas beliau, hukuman penjara minimum di bawah Seksyen 424C(1) Kanun Keseksaan adalah tiga tahun dan berpendapat hukuman sedemikian keterlaluan dalam keadaan kes ini.

"Saya mendapati amat sukar untuk mempercayai bahawa responden berada pada kedudukan yang hampir dengan peringkat tertinggi dalam rangkaian sindiket berhubung insiden terbaharu yang melibatkan bank terbabit.

"Wang berjumlah RM130,000 itu telah diserahkan kepada pihak ketiga yang tidak dikenali," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau membenarkan rayuan pihak perayu sambil mengetepikan hukuman denda RM25,000 yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen sebelum ini.

"Hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen diketepikan dan digantikan dengan hukuman denda sebanyak RM130,000 (bersamaan dengan jumlah wang yang terlibat dalam kes ini), dan sekiranya gagal membayar denda, tertuduh hendaklah dipenjarakan selama 12 bulan.

"Tempoh pemenjaraan sebagai ganti denda sepatutnya lebih tinggi sekiranya responden pada ketika ini masih belum dibebaskan.

"Namun memandangkan dia telah dibebaskan, adalah tidak adil untuk menghantarnya semula ke penjara pada peringkat ini," tambah Leong.

Pada 11 Februari 2026, tertuduh didakwa di Mahkamah Sesyen Sarikei atas pertuduhan terlibat secara langsung dalam transaksi menggunakan akaun bank miliknya di sebuah bank tanpa tujuan yang sah, membabitkan wang berjumlah RM130,000 milik sebuah bank.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah bank di Jalan Repok, Sarikei pada 3 November 2025, satu kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 424C(1) Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda sehingga RM150,000 atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh yang mengaku bersalah di hadapan hakim Stella Augustine Druce, kemudian dijatuhi hukuman denda RM25,000 atau penjara 12 bulan.

Pihak pendakwaan bagaimanapun mengemukakan rayuan atas alasan hukuman asal tidak memadai mengambil kira penglibatan aktif tertuduh yang telah mengeluarkan wang berjumlah RM130,000 secara tunai sebelum menyerahkannya kepada individu ketiga yang tidak dikenal pasti.

Berdasarkan fakta kes sebelum ini, pada 3 November 2025 wang berjumlah RM130,000 milik sebuah bank telah dikreditkan ke dalam akaun bank milik tertuduh, di mana tertuduh tidak mempunyai hak atau kuasa mengikut undang-undang untuk menerima wang tersebut.

Tertuduh kemudian mengeluarkan wang tersebut dengan segera dalam bentuk wang tunai dari kaunter bank serta menyerahkannya kepada pihak ketiga yang tidak dapat dikesan sehingga kini.

Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan dokumen bank berkaitan turut mengesahkan penglibatan langsung dan aktif tertuduh dalam transaksi terbabit.

Ketika prosiding semalam, rayuan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Shukor Abu Bakar sementara responden tidak diwakili peguam bela.